

Zakat Pulau Pinang  
Bantu 14 Keluarga  
Mangsa Kebakaran



3

Ops Ramadhan:  
Zakat Kewajipan  
Anda



4

Majlis Penyerahan  
Sumbangan Hari Raya  
Kepada Fakir Miskin



7

# Infozakat



ZAKAT PULAU PINANG

Keluaran 02/2013

www.zakatpenang.com

## PROGRAM NUR RAMADHAN 1434H / 2013M

PULAU PINANG : 4 &amp; 6 JULAI 2013

Program Nur Ramadhan merupakan program tahunan Zakat Pulau Pinang, MAINPP bagi meraikan dan meringankan beban fakir miskin dalam suasana menyambut Ramadhan Al-Mubarak.

Zakat Pulau Pinang turut bersyukur kerana secara keseluruhan, untuk tahun 2013 sebanyak RM4,508,202.00 telah dibelanjakan. Ini melibatkan seramai 11,153 penerima bantuan. Untuk tahun ini golongan fakir menerima wang tunai berjumlah RM450.00 dan golongan miskin pula menerima wang tunai berjumlah RM400.00, berbanding tahun lepas setiap mereka menerima RM300.00 seorang, beserta hamper makanan keperluan harian.

Siri pertama Program Nur Ramadhan telah diadakan pada 4 Julai 2013 yang lalu bertempat di Masjid Negeri Pulau Pinang melibatkan seramai 617 orang fakir dan miskin dari bahagian Timur Laut dan Barat Daya Pulau Pinang. Majlis telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas, Turut hadir, Y.B. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man, Yang DiPertua MAINPP merangkap Penggerusi Ahli Lembaga Pengarah Zakat Pulau Pinang dan Ustaz Haji Yusuff Bin Ahmad, Imam Besar Masjid Negeri Pulau Pinang.

Siri kedua Program Nur Ramadhan pula telah diadakan di Perkarangan Masjid Bandar Perda, Bukit Mertajam. Kali ini, ia melibatkan seramai 1,400 orang fakir dan miskin dari seluruh kawasan Seberang Perai. Majlis telah disempurnakan oleh Y.B. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man, Yang DiPertua MAINPP.

bersambung di muka 2



Imbas untuk  
ke laman FB



## Berita Agihan

...iaitu orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib, dan mendirikan solat serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka

Surah Al-Baqarah  
(Ayat 3)




**RINGANKAN BEBAN...** Penerima menerima sumbangan wang tunai.



**SESAK...** Sebahagian dari penerima Nur Ramadhan di Masjid Negeri Pulau Pinang.



**BANTU...** Kakitangan ZPP membantu menyerahtakan sumbangan kepada para penerima.



**RINGANKAN...** Kakitangan ZPP menghulur bantuan kepada para penerima.



**RAMAH MESRA...** Y.B Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man bersama para penerima bantuan.



MUSNAH... 16 buah rumah musnah terbakar.



KUNJUNGAN... Y.B. Dato' Hj. Mohd Salleh Bin Man diiringi Puan Hjh. Rahmah Md. Isa dan En. Mohammad Noor Che Man (hujung kanan) sedang diberi penerangan dalam lawatan ditapak kebakaran.



SUMBANGAN... Y.B. Dato' Hj. Mohd Salleh Bin Man menyampaikan sumbangan kepada salah seorang mangsa kebakaran

## ZAKAT PULAU PINANG BANTU 14 KELUARGA MANGSA KEBAKARAN

BAYAN BARU : 14 OGOS 2013

Zakat Pulau Pinang, MAINPP terus komited melaksanakan amanah mengagihkan bantuan zakat membantu golongan kurang bernasib baik di negeri ini apabila tampil menghulurkan sumbangan segera sebanyak RM500 bagi setiap keluarga mangsa kebakaran di Kampung Sungai Nibong Kecil, Bayan Baru selepas rumah mereka terbakar pada 10 Ogos lalu.

Bantuan permulaan itu disampaikan oleh Yang DiPertua MAINPP, Y.B. Dato' Hj. Mohd Salleh Bin Man ketika mengadakan lawatan ke kawasan kejadian.

Turut hadir dalam sesi lawatan tersebut Ahli-ahli Lembaga Pengarah Zakat Pulau Pinang, En. Mohammad Noor Che Man dan Puan Hjh. Rahmah Md. Isa,

Kebakaran yang berlaku pada 10 Ogos lalu itu, bukan sahaja memusnahkan rumah tetapi dalam masa yang sama turut menjelaskan suasana Hari Raya Aidilfitri semua keluarga berkenaan.

Dalam kebakaran yang berlaku kira-kira pukul 4 petang itu, sebanyak 16 buah rumah musnah kerana kedudukan yang terletak berdekatan selain tiupan angin kencang menyebabkan api marak dengan cepat. Kebanyakan rumah ditinggalkan kosong kerana penghuninya pulang ke kampung meraikan Hari Raya Aidilfitri. Tiada kemalangan jiwa dilaporkan.

ALHAMDULILLAH... Ya Allah, luaskanlah pintu rezeki para pembayar zakat.



Dan dirikanlah salat  
dan tunaikanlah  
zakat; dan ruku'lah  
kamu semua  
(berjama'ah) bersama-  
sama orang yang ruku'.

Surah Al-Baqarah:  
(Ayat 43)

## OPS RAMADHAN - ZAKAT KEWAJIPAN ANDA

BAYAN BARU : 14 OGOS 2013

Menjelang Ramadhan, Skuad Zakat seramai 12 orang kakitangan Zakat Pulau Pinang MAINPP, sekali lagi 'turun padang' untuk bersama-sama kumpulan peniaga dan masyarakat sekitar. Kali ini Bazar Ramadhan Bayan Lepas menjadi lokasi pilihan. Hampir 100 buah warung dan gerai makanan telah dilawati. Selain menemubual para peniaga, Skuad Zakat turut mengedarkan cenderahati dan risalah zakat kepada orang ramai.

Rata-rata pengunjung dan peniaga begitu teruja dengan kunjungan Skuad Zakat ke lokasi bazar, malah ada peniaga yang mengambil kesempatan membuat taksiran zakat pada masa tersebut. Skuad Zakat mengucapkan Selamat Menyambut Ramadhan Al-Mubarak kepada semua peniaga. Bersempena bulan yang berkat ini, diharapkan bakal melahirkan lebih ramai insan peniaga yang tak lupa untuk menuaikan ibadat zakat perniagaan.



**MAKLUM BALAS...** Para peniaga memberikan kerjasama yang amat baik sepanjang Ops Ramadhan ini.



**LAWAT...** Skuad Zakat mengambil peluang mengunjungi semua gerai.



**SEBAR...** Skuad Zakat turut mengedarkan cenderahati dan risalah zakat kepada pengunjung.



## ZAKAT ANDA UNTUK KELUARGA PN. NURHANIZA

BUKIT MERTAJAM: OGOS 2013

Jabatan Agihan & Pembangunan Masyarakat, Zakat Pulau Pinang telah berkunjung ke rumah Pn. Nurhaniza Ahmad, 29, dari Kebun Sireh, Bukit Mertajam. Pn. Nurhaniza dilaporkan hanya mampu terperap dalam rumahnya sejak tujuh tahun lalu berikutan masalah obesiti yang dialaminya.

Pn. Nurhaniza sukar untuk berjalan dan hanya mampu mengengsot dalam rumah. Dia terpaksa bergantung pada anak perempuannya, Norbaiti Md Dali, 13, jika mahu berdiri. Anaknya itu dilaporkan tidak bersekolah sejak hampir 2 tahun lalu kerana terpaksa menjaga ibunya.

Ketika kunjungan dilakukan, Pn. Nurhaniza memaklumkan, selain pendapatan RM100 yang diperolehi dari kerja sambilan di rumah, dia hanya bergantung pada upah mengasuh bayi sebanyak RM150 sebulan. Beliau mengakui pendapatan tersebut adakalanya tidak mencukupi untuk menjelaskan bil air dan elektrik.

Dalam kunjungan tersebut, Pn. Nurhaniza dan anaknya turut menerima bantuan tunai segera serta bantuan memperbaiki pintu rumahnya. Pn. Nurhaniza yang turut pernah menerima bantuan zakat sekaligus setiap tahun. Bermula bulan Oktober 2013 keluarga beliau akan mula menerima bantuan kewangan bulanan sebanyak RM400 dan skim makanan bulanan dari Zakat Pulau Pinang.

Moga zakat yang ditunaikan oleh para pembayar memberi sinar kebahagiaan serta memudahkan kesempitan hidup Pn. Nurhaniza dan anaknya.



*KEMATIAN SUAMI... sekaligus hilang tempat bergantung serta punca rezeki turut mendapat perhatian ZPP.*



*RAMAII... tanggungan.*

## LEBIH 8,000 IBU TUNGGAL ASNAF TERIMA MANFAAT ZAKAT

OGOS 2013 : BUKIT MERTAJAM

Lebih 8,000 ibu tunggal dari asnaf fakir dan miskin di Pulau Pinang telah mendapat manfaat dan kemudahan daripada berbagai skim bantuan yang diwujudkan Zakat Pulau Pinang, MAJNPP sejak Januari sehingga Ogos 2013. Antara skim bantuan tersebut adalah skim Bantuan Persekolahan, Bantuan Kewangan Bulanan, Bantuan Makanan Bulanan, Bantuan Perubatan dan lain-lain lagi.

Mereka adalah daripada 8,142 pemohon dari kalangan ibu tunggal yang disahkan benar-benar layak menerima skim-skim tersebut yang turut terdiri daripada isteri yang disahkan ditinggalkan suami, 'gantung tak bertali' serta yang tiada punca pendapatan akibat suami dimasukkan ke penjara atau pusat serenti.

Mengakui, rata-rata ibu tunggal asnaf memikul beban mencari nafkah bersendirian bagi membesarakan anak-anak, Zakat Pulau Pinang menyururkan bantuan wang tunai bulanan bagi memudahkan belanja harian mereka. Bantuan Makanan Bulanan pula disalurkan dengan harapan perbelanjaan mereka dapat diringankan serta keperluan makan minum juga barang dapur dapat dipenuhi.

Dengan sokongan para pembayar, Zakat Pulau Pinang akan terus memenuhi keperluan asasi keluarga ibu tunggal asnaf, kesihatan, kebajikan, pendidikan anak-anak dan berbagai keperluan lain.

## Berita Kutipan/ Agihan

Dan (ingatlah wahai  
Muhammad), ketika

Kami mengikat  
perjanjian setia  
dengan Bani Isra'il  
(dengan berfirman)

"Janganlah kamu  
menyembah  
malaikat Allah, dan  
berbuat baiklah kepada  
kedua ibu-bapa dan

kaum  
kerabat, dan anak-anak  
yatim, serta orang  
miskin dan katakanlah  
kepada sesama manusia  
perkataan-perkataan  
yang baik; dan  
dirikanlah solat  
serta berilah zakat."

Kemudian kamu  
berpaling  
membelakangkan  
(perjanjian setia kamu  
itu) kecuali sebahagian  
kecil dari kamu; dan  
sememangnya kamu  
orang yang tidak  
menghiraukan  
perjanjian setianya.


Surah Al-Baqarah  
(Ayat 83)



AMANAT... Y.B. Dato' Hj. Mohd Salleh Bin Man selaku Y.D.P MAINPP Merasmikan Majlis tersebut.



AMIL... Y.B. Dato' Hj. Mohd Salleh Bin Man menyerahkan sijil pentauliahah kepada amil yang dilantik.



TAULIAH... Para Amil beratur untuk mengambil sijil sah perlantikan Amil

## MAJLIS PERLANTIKAN AMIL BAGI TAHUN 1434H / 2013M

JAWI, SEBERANG PERAI SELATAN : 25 JUN 2013

Kadar Fitrah bagi tahun ini masih lagi dikenakan seperti tahun sebelumnya iaitu sebanyak RM 7.00 seorang. Majlis yang berlangsung di Dewan Serbaguna Jawi S.P.S telah dihadiri oleh semua wakil daripada Qaryah masjid, surau, sekolah berasrama penuh, PDRM, Jabatan Penjara Malaysia, Tentera Darat dan Laut, Universiti Sains Malaysia dan Zakat Pulau Pinang. Zakat Pulau Pinang telah melantik seramai 1648 amil yang sah untuk memungut zakat fitrah di Pulau Pinang ini dan sebanyak 218 pusat kutipan termasuk kaunter-kaunter Zakat Pulau Pinang dibuka bagi memudahkan pembayaran zakat fitrah dijalankan.

## SUMBANGAN BUAT ADIK ADNAN

BUKIT MERTAJAM : 16 MEI 2013

Adik Muhammad Adnan Azlan, berumur 4 tahun mengidap penyakit kepala besar ataupun Hidrosefalus. Anak bongsu dari 3 beradik itu mengidap penyakit tersebut sejak dilahirkan. En. Azlan Shaik Daud sebagai ketua keluarga berusaha membawa anaknya berulang ke hospital untuk mendapatkan rawatan. Beliau yang hanya bermiaga kecil-kecilan memerlukan bantuan untuk menyara 4 orang ahli keluarganya. Daripada maklumat orang ramai, Zakat Pulau Pinang segera berkunjung ke rumah beliau di Bukit Mertajam untuk menguruskan bantuan zakat bulanan untuk anaknya. Sama-sama kita berdoa agar adik Muhammad Adnan sembuh dan menjalani kehidupan seperti kanak-kanak lain. Zakat yang anda tunaikan telah disalurkan buat anak yang kurang bernasib baik ini. Moga Allah memberi ganjaran.



KHAS...Antara makanan dan minuman yang diperlukan adik Adnan.



KURANG BERNASIB BAIK...Kurutan Zakat Pulau Pinang (Baju Batik) menyalurkan ibu adik Adnan.

## MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN ZAKAT PERMULAAN KE IPT

SEBERANG JAYA : 23 JULAI 2013

Majlis yang diadakan dari masa ke semasa itu telah berlangsung di Auditorium Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang, Seberang Jaya. Majlis telah disempurnakan oleh Y.B. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man, Yang DiPertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Turut hadir dalam majlis tersebut Ahli lembaga Pengarah Zakat Pulau Pinang, Tuan Haji Salim @ Saleem Manshoor serta En. Mohammad Noor Che Man. Seramai 200 penerima bantuan permulaan ke IPT telah hadir bagi menerima cek sumbangan untuk anak masing-masing yang menerima tawaran melanjutkan pengajian ke pelbagai institusi pengajian. Dalam majlis tersebut, nilai agihan wang zakat adalah sebanyak RM145,050.00.



BANTUAN ZAKAT... Sebahagian lagi penerima sabar menunggu giliran

Pada majlis yang sama 3 syarikat korporat telah berbesar hati menunaikan zakat perniagaan kepada Zakat Pulau Pinang. Syarikat-syarikat tersebut ialah Maybank Islamic Berhad, eTiqa Takaful Berhad dan TH Travel & Services Sdn. Bhd. Masing-masing dengan zakat bernilai RM750,000, RM178,070.10 dan RM150,000.



LUASKAN LAH REZEKI MEREKA YA ALLAH...  
TH Travel & Services, eTiqa Takaful Berhad dan Maybank Islamic turut menunaikan zakat perniagaan masing-masing dalam majlis ini.

MESRA... Y.B. Dato' Hj. Mohd Salleh Bin Man beramah mesra bersama para penerima.



BANTUAN... Asnaf dibantu.



TEKUN...

kakitangan ZPP memberikan perkhidmatan terbaik buat asnaf.



## MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN HARI RAYA KEPADA FAKIR MISKIN

PERMATANG PAUH : 24 JULAI 2013

Zakat Pulau Pinang, MAINPP sekali lagi melaksanakan amanah dengan mengadakan Majlis Penyerahan Sumbangan Hari Raya Kepada Fakir Miskin bagi tahun 2013. Majlis yang berlangsung di Masjid Permatang Janggus, Permatang Pauh itu telah disempurnakan oleh Y.B. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man, YDP Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Dalam majlis tersebut, seramai 200 orang fakir miskin telah hadir bagi menerima bantuan sempena hari raya ini. Cek sumbangan turut diserahkan kepada para pengelola amil bagi disampaikan kepada fakir miskin di qaryah masing-masing. Untuk tahun ini Zakat Pulau Pinang mengagihkan sebanyak RM3,668,650.00 kepada 9,069 asnaf fakir miskin bagi mereka membuat persediaan menyambut ketibaan Syawal.

ASNAF... Sebahagian penerima yang menerima sumbangan sempena hari raya.

*Bandingkan (derma)  
orang yang  
membelanjakan  
hartanya pada jalan  
Allah, ialah sama  
seperti sebijik benih  
yang tumbuh  
menerbitkan tujuh  
tangkai, tiap-tiap  
tangkai itu pula  
mengandungi seratus  
biji. Dan (ingatlah),  
Allah akan melipat  
gandakan pahala  
bagi setiap yang  
dikehendakiNya dan  
Allah Maha Luas  
(rahmat) Kurnia-Nya,  
lagi Meliputi Ilmu-  
Nya.*

Surah Al-Baqarah  
(Ayat 261)

## ZAKAT PULAU PINANG ANJUR PIDATO ZAKAT 2013

KEPALA BATAS : 27 JUN 2013

Zakat Pulau Pinang MAINPP (ZPP) dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Pulau Pinang (JPN) dan SMA Al-Madrasah Al-Khairiah Al-Islamiah, selaku tuan rumah telah menganjurkan Pidato Zakat kali ke empat. Penganjuran Program Pidato Zakat ini adalah sebagai usaha mendedahkan informasi terkini tentang zakat dan institusi zakat itu sendiri, di kalangan pelajar di samping mewujudkan jalinan kerjasama di antara ZPP, JPN dan seluruh warga pendidik khasnya di SMA dan SMKA.



JUARA... Adik Muhammad Nur Aliff Syafiq, dari SMA Maahad Al-Mashoor Al-Islami, menerima hadiah kemenangan dari Y.B. Dato' Hj. Mohd Salleh Bin Man, YDP MAINPP.

Pidato kali ini membariskan seramai 26 orang pelajar dari 8 SABK, dan 4 SMKA. Bahagian lelaki, adik Muhammad Nur Aliff Syafiq, mewakili SMA Maahad Al-Mashoor Al-Islami, telah tampil sebagai juara, adik Mohamed Id'del Shariff dari SMKA Al-Irshad naib juara, manakala tempat ketiga disandang oleh adik Muhammad Nur Aiman, dari SMA Faqiah Daimiah. Bahagian perempuan, SMA Faqiah Daimiah telah muncul sebagai juara melalui pemidatonya adik Nurul Asyiqin Sazali, naib juara pula disandang oleh adik Siti Aminah Hussain dari SM Islam Al-Masriyah, manakala SMKA Nibong Tebal yang diwakili oleh adik Nuramirah Nordin di tempat ketiga. Majlis perasmian penutup dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Y.B. Dato' Hj. Mohd Salleh Bin Man, Yang Dipertua MAINPP.



BERBAKAT... Salah seorang peserta sedang menyampaikan Pidato Zakat



KENANGAN... Batinan peserta Pidato Zakat (perempuan) bergambar kenangan bersama tetamu VIP.



CEMERLANG... Para Penerima Anugerah Sekolah Cemerlang tahun 2012 dan Anugerah Khas Agensi.

## MAJLIS PELANCARAN MPDCA 2013

SEBERANG JAYA : 13 JUN 2013

Pelancaran Majlis Program Didik Cemerlang Akademik (PDCA) ini berlangsung di Pusat Konvensyen Sunway, Sunway Carnivall Mall. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmie Bin Hj. Yahaya iaitu Timbalan Menteri Kesihatan merangkap Ahli Parlimen Balik Pulau dan diiringi ucapan dari Dato' Hj. Ahmad Tarmizi Bin Kamaruddin, Pengarah Pelajaran Negeri Pulau Pinang. Turut hadir guru-guru dari seluruh Pulau Pinang yang mewakili sekolah masing-masing.

Di majlis yang sama turut disampaikan Anugerah Sekolah Cemerlang tahun 2012 dan Anugerah Khas Agensi.

Sebanyak RM1.4 juta diperuntukkan Zakat Pulau Pinang untuk melaksanakan program PDCA demi anak-anak pelajar sekolah seluruh Pulau Pinang. Agensi lain yang turut menjayakan MPDCA 2013 adalah Perda dan Jabatan Perdana Menteri (ICU). Majlis turut diserikan dengan tazkirah zakat dari pegawai Zakat Pulau Pinang, Ust Omar Ibrahim Bin Khalid.

SEMPURNA...  
Pelancaran  
MPDCA 2013



# ZAKAT PULAU PINANG SUMBANG DANA TABUNG PERWIRA LAHAD DATU

GEORGETOWN : 17 APRIL 2013

Bertempat di Auditorium A, Tingkat 5 KOMTAR, Zakat Pulau Pinang MAINPP berserta beberapa agensi lain, tampil menyerahkan dana untuk Tabung Perwira Lahad Datu. Program merupakan anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri serta Kerajaan negeri Pulau Pinang.

Turut hadir Panglima 6 Briged, Brig Jen Datuk Zulkapri Rahmat, Datuk Abdul Rahim Hanafi, Ketua Polis Negeri Pulau Pinang dan Dato' Farizan Darus, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Majlis dimulakan dengan bacaan doa oleh Sahibul Fadhilah Ustaz Haji Salahuddin Bin Haji Ghozali, Timbalan Mufti Kerajaan Pulau Pinang dan disusuli dengan ucapan dari Panglima Briged Keenam dan juga Ketua Polis Pulau Pinang. Majlis diakhiri dengan sesi penyampaian sumbangan oleh wakil-wakil

agenzi. Di majlis ini, Zakat Pulau Pinang yang diwakili oleh En. Mohamad Kairi Bin Ghazalli, Penolong Pengurus Besar Zakat Pulau Pinang, menyampaikan sumbangan sebanyak RM10,000 untuk Tabung Perwira Lahad Datu.

## BUAT PERWIRA...

Sumbangan yang disampaikan



MAJLIS... Pihak yang turut hadir

## BANCI PEMANTAUAN PENERIMA BANTUAN HARI RAYA

RANTAU PANJANG, KEPALA BATAS : 6 MAC 2013

Siasatan dijalankan bersama AJK Qaryah kawasan Kampung Rantau Panjang. Bancian ini ialah untuk memantau dan mengenal pasti penerima-penerima bantuan hari raya ini sama ada masih layak menerima sumbangan dari Zakat Pulau Pinang atau pun tidak lagi. Masih ada juga penerima-penerima bantuan hari raya yang memerlukan bantuan lain selain daripada bantuan hari raya tersebut seperti sara hidup dan juga bantuan baik pulih rumah. Pada bancian kali ini pihak kakitangan Zakat Pulau Pinang telah pun membuat siasatan di kawasan ini menunjukkan peratusan yang sudah terkeluar dari golongan asnaf dan miskin telah berkurangan berbanding tahun-tahun sebelum ini. Dengan itu bantuan zakat dapat disalurkan kepada pemohon bantuan yang benar-benar memerlukan.



SEKALUNG BUDI... AJK Qaryah banyak membantu memudahkan Zakat Pulau Pinang



SINGGAH... Kakitangan Zakat Pulau Pinang (ZPP) menemurahmakan penerima bantuan

Wahai orang yang beriman! Sebarkanlah sebahagian dari apa yang telah Kami berikan kepada kamu sebelum tibanya hari (Kiamat) yang tidak ada jual beli padanya dan tidak ada kawan teman (yang memberi manfaat), serta tidak ada pula pertolongan syaafaat. Dan orang kafir, mereka itulah orang yang zalim.

Surah Al-Baqarah  
(Ayat 254)

**ZAKAT PULAU PINANG**

**"ZAKAT PRIHATIN"**

**BAYAR ZAKAT**   **KIRA ZAKAT**   **MOHON ZAKAT**

**Dan dirikanlah oleh kamu akan sembahyang dan tunailkanlah zakat dan apa jua yang kamu dahulukan dari kebaikan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasan pahalanya di sisi Allah. Sesungguhnya Allah sentiasa Melihat segala yang kamu kerjakan "**

**(Al-Baqarah, ayat 110)**

## LAMAN WEB ZAKAT PULAU PINANG KINI BERWAJAH BARU

Laman web Zakat Pulau Pinang kini berwajah baru selaras dengan penjenamaan yang telah dilakukan pada 26 April 2012. Laman web baru ini lebih bermaklumat dan lebih mesra pengguna. Banyak aplikasi dikemaskini dan ditambah bagi memudahkan pengguna mendapatkan maklumat. Laman web Zakat Pulau Pinang boleh dilawati di [www.zakatpenang.com](http://www.zakatpenang.com)

## KUTIPAN ZAKAT HARTA NEGERI PULAU PINANG (1 JANUARI - 27 OGOS 2013)

### AGIHAN ZAKAT

PROGRAM ASNAF	JUMLAH (RM)	PENERIMA
FAKIR	3,584,943.00	10857
MISKIN	18,076,406.77	38178
AMIL	1,722,716.85	224
MUALLAF	3,914,829.76	1917
GHORIMIN	874,074.25	752
IBNU SABIL	65,038.80	199
FISABILILLAH	16,226,233.47	2631
AMIL (TAHUN LEPAS)	1,718,536.92	1
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>46,182,779.82</b>	<b>21,172</b>

### KUTIPAN ZAKAT

JENIS ZAKAT	JUMLAH (RM)	PEMBAYAR
PENDAPATAN	23,568,416.64	49,313
PERNIAGAAN	10,675,584.50	653
WANG SIMPANAN	5,360,126.95	3,733
SAHAM	147,883.19	148
KWSP	962,511.10	774
EMAS	456,504.63	536
PERAK	1,190.35	6
QADHA ZAKAT	168,625.68	104
HARTA	2,750,835.70	376
TANAMAN	248,477.71	404
TERNAKAN	2,700.00	1
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>44,339,856.45</b>	<b>54,166</b>

# GALERI MAJLIS PEMBAYARAN ZAKAT OLEH AGENSI KORPORAT

JANUARI - OGOS 2013

Zakat Pulau Pinang, MAINPP memanjatkan setinggi-tinggi rasa kesyukuran kepada Allah SWT kerana terus diberi kepercayaan serta menjadi pilihan syarikat-syarikat korporat terutamanya dalam menunaikan ibadah zakat perniagaan masing-masing. Semoga Allah melimpahkan rahmat serta rezeki yang berlipat ganda buat para pembayar budiiman. Kepercayaan serta amanah yang diberikan akan terus kami pikul dengan penuh kesungguhan serta dengan izinNya. Antara syarikat yang ikhlas serta komited menyumbang buat agihan asnaf di Pulau Pinang ialah:-

## BANK PERSATUAN



Jumlah Zakat :	RM 905,979.46	Haul :	2011
Pembayar :	Dato' Jamal Abdullah, Pengerusi Bank Persatuan Malaysia Bhd.		
Penerima :	T.Y.T Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas (Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang)		
Lokasi :	Seri Mutiara (Kediaman T.Y.T), Georgetown.		
Tarikh :	8 Januari 2013 (Selasa)		

## JERUK MADU PAK ALI



Jumlah Zakat :	RM 25,000.00	Haul :	2011
Pembayar :	En. Alias Haji Ali, Pengurus Besar, Jeruk Madu Pak Ali .		
Penerima :	Tn. Hj. Azman bin Hj. Abdul Samat, Pengurus Besar Zakat Pulau Pinang, MAINPP		
Lokasi :	Ibu Pejabat Zakat Pulau Pinang, Bandar Perda, Bukit Mertajam.		
Tarikh :	9 Januari 2013 (Rabu)		

## TELEKOM MALAYSIA



Jumlah Zakat :	RM 50,470.00	Haul :	2011
Pembayar :	En. Azhar Bin Omar, Pengurus Besar TM Pulau Pinang		
Penerima :	Y.B. Dato' Hj. Mohd Salleh Bin Man, Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah Zakat Pulau Pinang		
Lokasi :	Ibu Pejabat Zakat Pulau Pinang, Bandar Perda, Bukit Mertajam.		
Tarikh :	31 Januari 2013 (Khamis)		

## TABUNG HAJI



Jumlah Zakat :	RM 1,684,247.35	Haul :	2012
Pembayar :	Dato' Paduka Ismee Bin Ismail, Pengarah Urusan Kumpulan.		
Penerima :	T.Y.T Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas (Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang)		
Lokasi :	Seri Mutiara (Kediaman T.Y.T), Georgetown.		
Tarikh :	17 April 2013 (Rabu)		

## BANK RAKYAT



Jumlah Zakat :	RM 1,127,968.00	Haul :	2012
Pembayar :	Datuk Mustalha Bin Haji Abd Razak, Pengarah Urusan Bank Rakyat		
Penerima :	T.Y.T Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas (Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang)		
Lokasi :	Golden Sands Resort, Batu Ferringhi		
Tarikh :	4 Jun 2013 (Selasa)		

## BANK ISLAM



Jumlah Zakat :	RM 220,000.00	Haul :	2012
Pembayar :	Dato' Seri Zukri Bin Samat, Pengarah Urusan BIMB		
Penerima :	Y.B. Dato' Hj. Mohd Salleh Bin Man, Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah Zakat Pulau Pinang		
Lokasi :	Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang, Komtar		
Tarikh :	12 Jun 2013 (Rabu)		

## Berita Kutipan

Allah susutkan (kebaikan harta yang dijalankan dengan mengambil) riba dan ia pula mengembangkan (berkat harta yang dikeluarkan) sedekah-sedekah (dan zakatnya). Dan Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang kekal terus dalam kekuaran dan selalu melakukan dosa.

Surah Al-Baqarah  
(Ayat 276)



Zakat Pulau Pinang  
Majlis Agama Islam  
Negeri Pulau Pinang

No. 4,  
Jalan Perda Selatan,  
Bandar Perda,  
14000 Bukit Mertajam.  
Tel: 04-549 8088  
Faks: 04-530 6466  
Hotline: 1 300 88 8808



### BANK SIMPANAN NASIONAL

Jumlah Zakat : RM 49,630.00 Haul : 2012  
Pembayar : En. Mohd Khairil Mohd Nor,  
Pengarah Negeri Bank Simpanan Nasional  
Penerima : Tn. Hj. Azman bin Hj. Abdul Samat,  
Pengurus Besar Zakat Pulau Pinang, MAINPP.  
Lokasi : Ibu Pejabat Zakat Pulau Pinang,  
Bandar Perda, Bukit Mertajam  
Tarikh : 19 Julai 2013 (Jumaat)



### MAYBANK ISLAMIC

Jumlah Zakat : RM 750,000.00 Haul : 2012  
Pembayar : En. Nor Shahrizan Sulaiman,  
Ketua Pengurusan Produk Maybank Islamic Bhd.  
Penerima : Y.B. Dato' Hj. Mohd Salleh Bin Man,  
Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah Zakat Pulau Pinang  
Lokasi : Auditorium, Perbadanan Perpustakaan Awam  
Pulau Pinang, Seberang Jaya  
Tarikh : 23 Julai 2013 (Selasa)



### ETIQA TAKAFUL

Jumlah Zakat : RM 178,070.10 Haul : 2012  
Pembayar : En. Rosli Mohamed,  
Ketua Pegawai Eksekutif Wilayah Utara, Etiqua Takaful Bhd  
Penerima : Y.B. Dato' Hj. Mohd Salleh Bin Man,  
Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah Zakat Pulau Pinang  
Lokasi : Auditorium, Perbadanan Perpustakaan Awam  
Pulau Pinang, Seberang Jaya  
Tarikh : 23 Julai 2013 (Selasa)



### TABUNG HAJI TRAVEL & SERVICES

Jumlah Zakat : RM 150,000.00 Haul : 2012  
Pembayar : Tn. Hj. Mohd Zaki Ahmad Mokhtar,  
Pengurus Wilayah Utara, TH Travel & Services Sdn. Bhd  
Penerima : Y.B. Dato' Hj. Mohd Salleh Bin Man,  
Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah Zakat Pulau Pinang  
Lokasi : Auditorium, Perbadanan Perpustakaan Awam  
Pulau Pinang, Seberang Jaya  
Tarikh : 23 Julai 2013 (Selasa)



### BANK MUAMALAT

Jumlah Zakat : RM 149,665.24 Haul : 2012  
Pembayar : Puan Sarimah Bashah,  
Pengurus Kawasan Utara, Bank Muamalat Malaysia Berhad  
Penerima : Tn. Hj. Azman bin Hj. Abdul Samat,  
Pengurus Besar Zakat Pulau Pinang, MAINPP.  
Lokasi : Ibu Pejabat Zakat Pulau Pinang,  
Bandar Perda, Bukit Mertajam  
Tarikh : 129 Julai 2013 (Ismain)



### PERBADANAN USAHAWAN NASIONAL BERHAD (PUNB)

Jumlah Zakat : RM 20,000.00 Haul : 2012  
Pembayar : En. Khairul Rizal Abdullah,  
Ketua Pejabat Wilayah Utara, Perbadanan Usahawan Nasional Bhd.  
Penerima : En. Mohamad Fuad Md Isa,  
Penolong Pengurus Besar Jabatan Kutipan dan Pemasaran  
Zakat Pulau Pinang, MAINPP  
Lokasi : Ibu Pejabat Zakat Pulau Pinang,  
Bandar Perda, Bukit Mertajam  
Tarikh : 2 Ogos 2013 (Jumaat)